

KEWANGAN

Saham Kerjaya Prospek meningkat

KUALA LUMPUR - Saham Kerjaya Prospek Group Bhd meningkat dalam dagangan pagi selepas syarikat itu berjaya memperoleh kontrak kedua dalam tempoh seminggu.

Ia melibatkan projek harta tanah bernilai RM98.1 juta di Pulau Andaman yang diperoleh daripada syarikat sekutunya, Eastern & Oriental Bhd.

Dalam nota penyelidikannya pada Rabu, Kenanga Investment Bank Bhd berkata, kejayaan terbaharu itu menjadikan jumlah kontrak Kerjaya Prospek yang diperoleh bagi tahun ini berjumlah RM708 juta, mewakili 39 peratus daripada sasaran penambahan kontrak bagi tahun kewangan 2025 sebanyak RM1.8 bilion.

“Ia juga mempunyai nilai tender berjumlah RM2.0 bilion dan sedang membida secara bersama dengan pihak Samsung untuk tiga projek pusat data bernilai RM3.0 bilion,” katanya. - *Bernama*